

13 Januari 2018

Nikmat duit haram

Mohd Hasbi Sidek
mohd.hasbi@metro.com.my

Kuala Lumpur

Deretan lapan kereta mewah, simpanan barang kemas, koleksi jam tangan berjenama selain longgokan wang tunai berjumlah RM2.1 juta.

Semua 'harta' ini cukup menggambarkan kemewahan dikecapi lapan individu yang menjadi ahli sindiket pengedaran dadah terbesar di ibu kota.

Kegiatan itu bagaimanapun dibongkar anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman hasil serbuan di enam lokasi di ibu kota dan Johor sejak Rabu lalu.

Polis turut merampas pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM721,000 daripada sindiket yang turut membabitkan seorang anggota polis.

Semua suspek membabitkan tujuh lelaki dan seorang wanita berusia dari 32 hingga 58 tahun itu diberkas hasil operasi dijalankan Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik (STING) bersama polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor.

Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, serbuan pertama di sebuah rumah di Sri Petaling di sini, menahan pasangan kekasih dan menemui 10.3 kilogram (kg) syabu dan 37 biji pil ekstasi. "Kedua-dua mereka mempunyai rekod jenayah dan ujian air kencing juga menunjukkan mereka positif dadah jenis methamphetamine. Kami turut menemui wang pelbagai nilai dianggarkan RM2.1 juta disimpan di kediaman itu.

Dalam serbuan kedua, polis menahan tiga lelaki bersama 56 gram ketamin, 7.9 gram ganja, 11.5 gram syabu, 10 biji pil ekstasi dan 10 biji pil Eramin 5 di Pandan Perdana, Ampang. Ketiga-tiga mereka mempunyai rekod jenayah membabitkan dadah dan samun," katanya pada sidang media di Balai Polis Travers di sini, semalam. Beliau berkata, polis menahan seorang lelaki di Setiawangsa, selain memberkas seorang lelaki yang juga anggota polis

di rumahnya di Jalan Usahawan, dekat Setapak. "Pemeriksaan di rumah anggota polis berusia 30-an dan bertugas di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur itu menemui 50 peluru jenis 9mm. Anggota polis itu dipercayai berperanan sebagai orang tengah dan pengedar dadah kecil-kecilan. "Seorang lagi lelaki turut ditahan di Muar, Johor

NIKMAT DUIT HARAM

Lapan kereta mewah, barang kemas, duit RM2.1 juta dirampas daripada sindiket dadah terbesar dalam serbuan



DHMAH
mpat dari kiri
enunjukkan
sil rampasan
ripada sindiket
dah terbesar
ibu kota.



DADAH dalam peket kecil.



BARANG kemas dan wang tunai.



JAM tangan mewah milik sindiket.

